

Prospek perniagaan sarung tangan kekal kukuh

Top Glove yakin permintaan terus tinggi hasil kesedaran akibat COVID-19

Oleh Mohd Zaki Zainuddin
zaky@bh.com.my

Top Glove Corporation Bhd (Top Glove) yakin dengan prospek sarung tangan getah dan menjangkakan permintaannya kekal tinggi, meskipun ketika seluruh dunia melaksanakan program vaksinasi dan bakal melalui tempoh pasca COVID-19.

Pengarah Urusannya, Datuk Lee Kim Meow, berkata pengeluaran sarung tangan terbesar dunia itu percaya permintaan 'produk penting' berkenaan kekal positif dan tidak akan kembali ke tahap sebelum COVID-19 berikutan peningkatan kesedaran yang tercetus akibat pandemik.

Berdasarkan perkembangan positif, katanya, Top Glove menjangkakan permintaan tumbuh sekitar 25 peratus tahun ini, sebelum berkembang 20 peratus tahun depan dan dijangka berada pada 15 peratus bagi tempoh pasca pandemik.

"Top Glove melihat permintaan sarung tangan meningkat sekurang-kurangnya 10 peratus setiap tahun ketika era sebelum pandemik kerana ia menjadi sebahagian keperluan penting sektor penjagaan kesihatan.

"Permintaan sarung tangan getah dijangka tumbuh dengan man-

tap dipacu asas pasaran yang kukuh di seluruh dunia.

"Walaupun permintaan akan menjadi stabil pasca pandemik, ia dijangka tidak akan kembali ke tahap sebelum penularan COVID-19 kerana kita lihat kesedaran semakin meningkat dalam kalangan penduduk dunia.

"Sebagai peserta pasaran yang terbabit dalam industri sarung tangan selama 30 tahun, kami tidak melihat sebarang cabaran yang akan timbul ke atas permintaan pada masa depan," katanya pada temu bual menerusi e-mel bersama *BH*.

Mengulas lanjut, Kim Meow berkata, dengan norma baharu menjadi sebahagian daripada kehidupan penduduk dunia, penggunaan sarung tangan getah dalam aktiviti harian, kesihatan dan perniagaan akan berterusan dalam tempoh program vaksinasi dan selepas pandemik.

Katanya, Top Glove turut menyedari lonjakan permintaan daripada COVID-19 adalah sementara kerana sejak 30 tahun lalu, dunia melalui pelbagai wabak serta pandemik termasuk Sindrom Penafasan Akut Teruk (SARS), selesema babi, H1N1, selesema burung dan ebola.

"Menyedari wabak melanda dunia hampir lima tahun sekali dengan COVID-19 menjadi sebahagian kitaran, kami me-

rancang untuk meningkatkan kapasiti bagi memenuhi permintaan berterusan dan berkembang untuk jangka masa panjang.

"Kami menjangka peluang kekal mampan dan berterusan dalam jangka panjang selepas melihat kadar penggunaan sarung tangan masih rendah di negara membangun dan masih berkembang di negara maju," katanya.

Beliau berkata, Top Glove juga akan terus melabur dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi, selain menggunakan teknologi canggih untuk membantu meningkatkan kualiti dan kecekapan.

Dalam masa sama, katanya, pengeluaran sarung tangan itu akan melaksanakan langkah bagi mengurangkan kos dan kebergantungan kepada tenaga kerja tidak mahir serta meminimumkan kesilapan.

"Kami sedar dengan cabaran dalam menjalankan perniagaan, terutama pada peringkat antarabangsa dan Top Glove mesti bersedia dengan cabaran itu.

"Kami melihat cabaran luaran adalah luar kawalan. Justeru, kami akan memberi tumpuan kepada apa yang boleh dikawal iaitu kualiti produk dan kecekapan operasi," katanya.

Kim Meow berkata, bagi menyokong agenda pertumbuhan, Top Glove akan memberi tumpuan untuk merekrut dan mengekalkan bakat berkemahiran serta berwawasan tinggi.

"Top Glove akan memberi tumpuan untuk menguruskan perniagaan dengan baik yang membolehkan kami menawarkan sarung tangan dan peralatan perlindungan diri (PPE) lain kepada pelanggan di seluruh dunia," katanya.



Lee Kim Meow